



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO INSTITUSI LATIHAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN 2015

A. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warga Negara Malaysia. Borang penyertaan seperti di **Lampiran A**
- Bukti penghantaran bukan bererti bukti penerimaan.
- Semua penyertaan yang diterima oleh Urusetia Pertandingan Mencipta Logo ILKBS 2015 adalah hak milik Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak.
- Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri
- Borang penyertaan boleh dimuat turun di laman sesawang www.kbs.gov.my atau di laman Facebook Bahagian Pembangunan Kemahiran dan Transformasi IKBN dan IKTBN
- Urusetia berhak mengguna semula, menerbit atau mempamerkan penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium sama ada tempatan atau antarabangsa tanpa notis atau pembayaran kepada para peserta.
- Hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang
- Pemenang akan dihubungi oleh pihak penganjur
- Peserta yang telah memenangi pertandingan ini ,sekiranya tidak menuntut hadiah dalam masa yang ditetapkan ,pemenang tersebut dianggap terbatal .Pihak penganjur berhak menggunakan logo tersebut tanpa meminta kebenaran.

B. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

(Sila rujuk Lampiran B – B2)

- Ciptaan dan reka bentuk mestilah **BARU** dan **ASLI** serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.

- Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli / diciplak dari mana-mana karya tempatan mahupun dari luar negara.
- Reka bentuk logo hendaklah seperti berikut:
 - i) Berada didalam julat ukuran 18cm x 25cm dengan menggunakan kertas bersaiz A4 berwarna putih.
 - ii) Dilekatkan pada kertas tebal atau *mounting board* bersaiz A3.
 - iii) Disediakan dalam bentuk *soft copy* dan ianya hendaklah disimpan di dalam *Compact Disc* menggunakan format AI (Adobe Illustrator) dan JPEG resolusi minimum 1280 x 960.
- Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) secara ringkas dan kreatif ke atas setiap reka bentuk seperti logo, simbol, warna dan mesti melambangkan semua Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (ILKBS), iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademik Kemahiran Belia Negara (AKBG).
- Reka cipta hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 2 warna tetapi tidak melebihi 5 warna.
- Setiap logo mestilah disertakan bersama-sama dengan moto.

C. PANEL PENILAI

- Penilaian akan dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik.
- Keputusan Panel Penilai adalah **MUKTAMAD**.
- Bagi penyertaan yang dihantar, para peserta hendaklah bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak urusetia.
- Urusetia berhak untuk tidak memilih pemenang dikalangan peserta pertandingan sekiranya Panel Penilai memutuskan tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang.
- Panel penilai dan urusetia pertandingan berhak membatalkan penyertaan sekiranya didapati tidak mematuhi syarat – syarat yang ditetapkan.

D. HADIAH PERTANDINGAN

- Hanya satu reka bentuk logo saja akan dipilih untuk memenangi tempat pertama pertandingan ini. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 3,000.00 beserta sijil.

E. PENYERTAAN

- Setiap peserta hendaklah mengisi Borang Penyertaan yang disediakan.
- Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu :
 - i. Nama Penuh
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Alamat Terkini
 - iv. Nombor Telefon
 - v. Alamat Emel
- Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk ‘hard copy’ dan ‘soft copy ’ melalui pos (‘soft copy’ dalam format .ai dan .jpeg.) .Sila pastikan disebelah atas kiri sampul bertulis ‘Pertandingan Mencipta Logo ILKBS 2015.
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **26 Oktober 2015**, jam **12.00** Tengah hari.
- Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Tel: **03-88713699/3697/3648/3513**
Email: ikbntransform@gmail.com
No. Faks: **03-8888 8785**

Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

URUSETIA

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO ILKBS 2015

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA (BPKB)

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

ARAS 3, MENARA KBS, PRESINT 4

NO. 27, PERSIARAN PERDANA PUTRA

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62570 PUTRAJAYA W.P.

LAMPIRAN A

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

ILKBS 2015

(KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN)

1. BUTIRAN PESERTA

- a. Nama Peserta :
- b. No. Telefon :
- c. Moto :
-

2. PENGAKUAN PESERTA

Saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih atau tidak, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kementerian Belia dan Sukan sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.


Tandatangan :

Nama :


Tarikh :

LAMPIRAN B

FORMAT SPESIFIKASI REKA BENTUK



LAMPIRAN B1



LAMPIRAN B2

